

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1991/92

Mac/April 1992

IPK 404/3 - Teknologi Polimer (Getah) II

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **Empat (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Lima (5)** soalan. Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. Nyatakan kebaikan dan keburukan untuk getah-getah berikut dengan rujukan kepada sifat-sifat dan pemprosesannya.
- (a) Getah stirena-butadiena (SBR) "sejuk"
 - (b) Polibutadiena (BR)
 - (c) Polikloroprena (CR)
 - (d) Getah butil (IIR)

[20 markah untuk setiap satu]

Dengan memilih SALAH SATU getah sintetik tersebut, perikan secara ringkas, penyediaan getah itu.

[20 markah]

2. Jelaskan pemerhatian-pemerhatian yang berikut:

- (a) Getah poliuretana mempunyai kekuatan ketegangan yang sangat tinggi tetapi resiliensnya adalah rendah.
- (b) Sifat-sifat getah nitril (NBR) sangatlah bergantung kepada kandungan akrilonitril.
- (c) Dalam pemvulkanan getah etilena-propilena (EPDM), pemvulkanan sulfur diutamakan berbanding dengan pemvulkanan peroksida.
- (d) Pengisi biasanya diolahkan dengan klorosilana dalam penyebatian getah silikona.

[25 markah untuk setiap satu]

3. (a) Dengan bantuan mekanisme yang sesuai, sebutkan peranan MgO dalam pemvulkanan polikloroprena (CR) dan Viton.

[30 markah]

- (b) Bincangkan pengaruh kandungan klorin dan sulfur terhadap kelakuan pemprosesan dan pemvulkanan untuk Hipalon. Juga, senaraikan penggunaan untuk getah tersebut.

[35 markah]

- (c) Rangkakan komponen utama untuk tayar dan nyatakan fungsi masing-masing.

[35 markah]

4. (a) Berikan ciri-ciri yang perlu untuk sesuatu bahan pengawet bagi lateks getah asli. Dari ciri-ciri tersebut bahan mana yang sesuai untuk digunakan sebagai bahan pengawet getah asli dan mengapa.

[60 markah]

- (b) Bincangkan kesan-kesan storan pada konsentrat lateks getah asli.

[40 markah]

5. Terdapat satu kumpulan asid yang boleh menstabilkan lateks getah asli sewaktu storan:

(a) Apakah kumpulan asid ini dan bagaimana asid ini terjadi dalam lateks getah asli?

[20 markah]

(b) Terangkan ujian yang perlu dilakukan untuk menentukan amaun asid ini dalam lateks getah asli.

[80 markah]

6. (a) Satu barang yang dihasilkan dari lateks getah asli dengan menggunakan proses pencelupan, didapati mempunyai ketebalan yang rendah (nipis). Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk menaikkan ketebalan barang tersebut?

[40 markah]

(b) Sarung tangan yang dihasilkan dari lateks getah asli didapati mudah koyak apabila dikeluarkan dari 'former'. Apakah yang menyebabkan perkara ini terjadi dan apakah yang perlu diambil untuk mengatasinya?

[40 markah]

(c) Apakah bezanya antara proses Dunlop dan proses Tala-lay?

[20 markah]

oooooooooooo000000oooooooooooo